

# BERITA MINGGU 3 FEBRUARI 2013

## UPNM jadi universiti ulung

» *Seri Paduka mahu IPT jadi institusi ilmu progresif, tersohor*

► Kuala Lumpur

**Y**ang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, mahu Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) muncul sebagai universiti ulung dan dihormati.

Baginda mahu UPNM menjadi sebuah institusi ilmu yang progresif, tersohor dalam tradisi ilmu dan intelektualnya, anjal dengan perubahan persekitaran serta kukuh dengan nilai yang luhur.

Dengan ini, titah baginda, UPNM mampu melahirkan satria dan pahlawan bangsa yang mempunyai keberanian luar biasa serta bersedia mengabdikan diri kepada tuntutan mempertahankan agama, bangsa dan tanah air.

"Beta berpendapat negara kita mampu melahirkan pemimpin muda yang bijak, berilmu serta berwibawa untuk memimpin Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang moden lagi canggih.

"Beta percaya proses pemodenan ATM hanya akan berjaya jika ia didukung oleh sumber manusia yang terlatih dengan baik," titah baginda pada Istiadat Perbarisan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah Pegawai Kadet



**Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah menyampaikan hadiah kepada Pegawai Kadet Terbaik Keseluruhan, Mambang Adi Sumantri Mambang Sukocho (kiri) pada majlis Perbarisan Diraja dan Pengurniaan Watikah kepada Pegawai Kadet di UPNM, semalam.** (FOTO IZHARI ARIEFIN/BER)

UPNM di sini semalam.

Turut berangkat hadir pada majlis itu Raja Permaisuri Agong, Tuanku Haminah Hamidun serta Tunku Panglima Besar Kedah yang juga Pro-Canselor UPNM, Datuk Seri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim.

Turut hadir, Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin.

### **Perlu sentiasa berwaspada**

Sehubungan itu, baginda bertitah perhatian perlu diberi kepada pemimpin muda ATM dengan mempersiapkan mereka bagi menangani ancaman dan perlu sentiasa berwaspada dalam menghadapi

ancaman keselamatan yang lain.

"Walaupun negara kita berada dalam keadaan aman dan sejahtera, segala cabaran dan krisis yang timbul hen-

**"Beta percaya proses pemodenan ATM hanya akan berjaya jika ia didukung oleh sumber manusia yang terlatih dengan baik"**

**Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah,**  
Yang di-Pertuan Agong

daklah sentiasa diberikan perhatian yang serius kerana krisis ekonomi dan kewangan global, konflik antarabangsa, ancaman penganas dan bencana alam sekitar semuanya memberi impak terhadap negara dan bangsa," titah baginda.

Pada majlis itu, seramai 297 pegawai kadet ditauliahkan yang terdiri daripada 168 ke dalam perkhidmatan Tentera Darat, 51 perkhidmatan Tentera Laut Diraja Malaysia dan baki 78 ke dalam perkhidmatan Tentera Udara Diraja Malaysia.

Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah kemudian berkenan mengurniakan watikah tauliah kepada setiap pegawai kadet berkenaan.